

Sajikan masakan Brunei dengan cara lebih canggih



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa mendengarkan penerangan mengenai masakan-masakan yang dipamerkan pada Majlis Pelancaran Minggu Gastronomi Brunei 2018 (kiri dan kanan).



ini, memuncak Minggu Gastronomi Brunei 2018 adalah untuk mempromosikan makanan yang dibungkus menggunakan daun pisang di mana daun pisang digunakan untuk memasak, membungkus dan menghidang makanan dalam pelbagai masakan di kawasan tropika dan subtropika.

Jelas Yang Berhormat, ia menambah aroma yang baik untuk makanan dan meningkatkan rasa makanan tertentu di mana masakan Brunei yang biasanya dibungkus dalam daun pisang seperti Pais Daging, Pais Udang, Pais Ikan dan lain-lain.

Pada majlis itu, Yang Berhormat juga menyampaikan anugerah-anugerah kepada para pemenang Minggu Gastronomi Brunei 2017.

Memenangkan bagi The Best Taste ialah Hotel Antarabangsa Rizqun, The Best Presentation pula ialah The Empire Hotel & Country Club, manakala The Best Innovation ialah URBN Kitchen diikuti The Best Creativity ialah The Brunei Hotel dan The Best Wholesomeness ialah Royal Brunei Airlines.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil penyertaan yang disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada wakil agensi yang mengambil bahagian dalam Minggu Gastronomi Brunei 2018.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. - Pihak pengurusan hotel dan restoran disaran untuk menghidangkan masakan Brunei dengan cara yang lebih canggih dan meningkatkan lagi rasa dan persembahan masakan Brunei untuk disajikan sebagai sebahagian daripada pengalaman menjamu selera yang baik atau di majlis yang diadakan di dalam atau luar negara.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong berkata, adalah penting untuk memberikan pengalaman gastronomi yang unik kepada orang-orang di negara ini dan kepada mereka yang berkunjung.

"Semasa Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN baru-baru ini yang diadakan di Chiang Mai,

satu deklaras bersama tentang Pelancongan Gastronomi telah diterima pakai. Pelancongan gastronomi membantu untuk mewujudkan suasana tempat yang kukuh bagi tujuan penjenamaan dan pemasaran dan juga membantu dalam menjaga dan memelihara warisan dan identiti tempatan serta melindungi biodiversiti,"

ujar Yang Berhormat pada Majlis Pelancaran Minggu Gastronomi Brunei 2018 berlangsung di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, tujuan utama Minggu Gastronomi Brunei adalah untuk meraikan Brunei dan mewujudkan kesedaran mengenai kepelbagaian kuliner Brunei dan gastronomi yang meluas.

Menurut Yang Berhormat, tahun

Rakyat perlu gandakan usaha pelbagaikan ekonomi negara



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa menyampaikan Kuliah Khas pada Kursus Melayu Islam Beraja (MIB) Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. - Negara Brunei Darussalam sejak mencapai kemerdekaan pada 1984, terus mengecapi pembangunan yang

pesat dan menikmati kemakmuran serta antara taraf kehidupan yang tertinggi di rantau Asia, di mana kemakmuran itu adalah atas keprihatinan serta kebijaksanaan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai rakyat Brunei tidak boleh berpuas hati dan berasa selesai dengan pembangunan yang telah tercapai, tetapi untuk terus berusaha supaya negara akan mampu bersaing dengan negara-negara membangun dan maju di dunia.

Kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara harus dipertahankan dan usaha harus digandakan supaya ekonomi

negara yang kini masih lagi bergantung pada industri minyak dan gas dapat dipelbagaikan.

Sebagai contoh meningkatkan ekonomi dalam sektor perdagangan, pertanian, perhutanan dan perikanan, perkhidmatan domestik dan persendirian serta bidang lain.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati Kuliah Khas yang disampaikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, pada Kuliah / Aktiviti Ilmiah bagi Kursus Melayu Islam Beraja Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sesi 2018 (Semester 2), berlangsung di Auditorium, UNISSA, Gadong.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa Kerajaan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat mengalakkan keusahawanan dalam kalangan belia sama ada dari sudut membekalkan pengusaha dengan ilmu keusahawanan dan membantu pengusaha sehingga mereka berjaya dalam perusahaannya.

Menurut Yang Berhormat juga bagi jangka panjang, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanya boleh berdaya tahan melalui peningkatan produktiviti berterusan.

Ini bermakna keluaran syarikat-syarikat dalam negara ditingkatkan tanpa menambah lebih banyak tenaga buruh atau penggunaan tanah atau modal, tetapi adalah dengan menggunakan teknologi baharu, automasi dan inovasi serta melalui penyelidikan dan pendidikan atau latihan.

Kuliah Khas Melayu Islam Beraja (MIB) bertajuk 'Keusahawanan Menyumbang Pertumbuhan KDNK Demi Mencapai Wawasan 2035' membicarakan mengenai kepentingan menceburkan diri dalam keusahawanan sebagai langkah untuk menyumbang ke arah pertumbuhan KDNK demi mencapai Wawasan 2035.

Dalam Kuliah Khas tersebut,

Yang Berhormat juga banyak memberikan motivasi dan semangat kepada mahasiswa/i untuk berani mencebukan diri dalam Perusahaannya Kecil dan Sederhana serta menasihati agar tidak mudah menyerah juga berputus asa.

Selain itu, Yang Berhormat juga berharap agar UNISSA dapat melahirkan graduan yang mampu berdaya sendiri sepertimana yang digalakkan dalam agama Islam dan tidak mengharap sepuuhnya kepada pihak kerajaan dari sudut mencari pekerjaan.

Kuliah Khas Melayu Islam Beraja anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PIPB) itu dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Teknologi dan Multimedia, Dr. Adam bin Jait. Kursus Melayu Islam Beraja adalah kursus yang ditawarkan kepada mahasiswa/i Tahun 1, UNISSA yang dikategorikan sebagai kursus Wajib Universiti.

Dalam keberhasilan kursus MIB ini, mahasiswa/i diharap akan memahami konsep MIB dengan lebih dalam dan luas serta menjadikan MIB sebagai pegangan cara hidup dalam menghadapi gelombang moden dan arus globalisasi.



ANTARA mahasiswi UNISSA yang menghadiri Kuliah Khas MIB.